Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Berita Minggu, Ahad, 4 April, 1982

# Dr.Mahathir lantik Tan Koon Swan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melantik pengerusi MCA Wilayah Persekutuan, Encik Tan Koon Swan, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya Barisan Nasional Wilayah Persekutuan.

Kenyataan Setiausaha MCA Wilayah Persekutuan, Encik Michael Yeoh, berkata Setiausaha UMNO Wilayah Persekutuan, Encik Ramli Khusairi, dilantik sebagai Timbalan Pengerusi.

Beliau berkata, bilik gerakan pilihanraya akan ditubuhkan di semua kawasan.